

PENAMBAHBAIKAN 2013  
ISU BEBAN GURU DALAM PENGURUSAN PENTAKSIRAN BERASAKAN SEKOLAH  
(SPPBS), LEMBAGA PEPERIKSAAN

Tujuan : Tindaksusul berikutan daripada Mesyuarat bersama KPPK (11 Januari 2013) bertujuan untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan SPPBS.

BIL	PERKARA/ISU	TINDAKAN
1.	Mengurangkan bilangan klik guru pada SPPBS agar lebih mesra pengguna.	<p>i. <b><u>Menu Akademik</u></b></p> <p>Senarai semua pelajar dan kemasukan prestasi di dalam satu paparan sahaja (wujudkan <i>markshet</i>) bagi memudahkan guru untuk menanda prestasi murid dalam satu masa.</p> <p>ii. <b><u>Menu Non-Akademik</u></b></p> <p>Guru tingkatan yang berdaftar dengan APDM akan terus mendaftar nama murid ke dalam setiap 5 elemen Non Akademik.</p> <p>iii. <b><u>Keseluruhan Menu Sistem</u></b></p> <p>Mewujudkan carian mengikut kod bagi semua menu yang berkaitan dalam sistem.</p>
2.	Evidens yang banyak bagi mata pelajaran Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Sejarah.	<p>Evidens bagi mata pelajaran yang terlibat telah dikurangkan mulai tahun 2013 seperti mata pelajaran Pendidikan Islam dari 112 evidens dikurangkan kepada 57 evidens bagi Tingkatan 1 dan 62 evidens bagi Tingkatan 2.</p> <p>DSP terkini bagi mata pelajaran tersebut akan diserahkan kepada BPM dan satu salinan kepada SPMPT pada 2 Februari 2013.</p>
3.	Warna bagi tanda "√" sebelum guru memasukk prestasi <b>perlu kontra</b> dengan warna selepas kemasukan prestasi dilaksanakan.	Warna <i>background</i> paparan SPPBS akan diubah kepada warna hitam dan putih dan kontra.
4.	Kesukaran guru menghubungi PPD apabila berlaku <b>kesilapan semasa menanda prestasi murid</b> ke dalam SPPBS.	<p>Bermula 2013, butang KEMASKINI dan BATAL akan diwujudkan pada panel Pentadbir di mana guru-guru yang ingin mengemaskini atau membatalkan prestasi murid mereka perlu pengesahan daripada Pentadbir.</p> <p>Butang BATAL juga akan wujud di panel SU di mana SU boleh membatalkan murid yang masih tiada prestasi yang ditanda di dalam sistem.</p>

BIL	PERKARA/ISU	TINDAKAN
5.	Murid dilaporkan <b>tidak mencapai Band</b> bagi <b>mata pelajaran Bahasa</b> walaupun telah menguasai beberapa eviden tertentu dalam Band yang lebih tinggi.	Pelaporan bagi SEMUA mata pelajaran Bahasa akan dilaporkan secara berasingan berdasarkan kepada penguasaan murid dan segi Lisan, Membaca dan Menulis.  Satu perbincangan khas format pelaporan berkenaan akan diadakan pada 21 Januari 2013 di LP Jalan Duta.
6.	Murid dilaporkan <b>tidak mencapai Band bagi mata pelajaran Dunia Sains Dan Teknologi</b> walaupun telah menguasai semua eviden bagi mata pelajaran Dunia Sains.	Bermula tahun 2013, LP menyediakan dua dokumen pentaksiran secara berasingan bagi mata pelajaran Sains dan TMK dan mencadangkan Pengasingan Pelaporan bagi mata pelajaran Dunia Sains Teknologi dan TMK.  Perkara ini akan dibawa ke Mesyuarat G13 peringkat LP untuk membincangkan pengasingan pelaporan bagi kedua-dua subjek ini di dalam SPPBS.
7.	Kemasukan <b>data PAJSK yang banyak</b> ke dalam SPPBS	Satu mesyuarat antara Bahagian KPM yang berkaitan akan diadakan pada 22 Januari 2013 bertujuan menyelaraskan dan memuktamadkan hal ehwal yang berkaitan dengan penyimpanan data PAJSK murid dalam SPPBS.
8.	Cadangan untuk menambah talian <b>Meja Bantuan SPPBS</b> .	Unit PBS akan menyediakan satu kerja cadangan keperluan menambahbaik Meja Bantuan SPPBS untuk dimajukan di dalam Mesyuarat Pengurusan LP.
9.	Data prestasi murid dalam SPPBS <b>boleh dimuat turun dan dieksport</b> ke dalam format Excel.	Hanya data statistik sahaja yang boleh dimuat turun dan dieksport ke dalam format Excel supaya mudah untuk guru membuat pelaporan di sekolah. Fungsi telah dibangunkan dan sedang diuji oleh BPM walau bagaimanapun BPM akan mengadakan perbincangan bersama TM agar mengasingkan server bagi tujuan download pelaporan untuk mengelakkan kesesakan akses.
10.	Wujudkan <b>modul akses Ibu Bapa</b> untuk melihat pencapaian prestasi anak masing-masing secara <i>online</i> .	Modul Ibu Bapa akan memaparkan pelaporan prestasi murid secara sumatif. Maklumat ibu bapa akan dibaca terus dari data APDM. Perbincangan lanjut berkaitan <b>bilangan kekerapan akses</b> dan <b>keselamatan data</b> akan dilaksanakan setelah sistem dibuka untuk akses pengguna pada 1 Mac 2013.

BIL	PERKARA/ISU	TINDAKAN
11.	<b>Perisian Font Tamil (Murasu Anjal)</b> yang tidak <i>compatible</i> dengan SPPBS dan tidak muncul pada paparan Eviden di skrin kemasukan prestasi dan cetakan pelaporan.	Mesyuarat bersama pembangun Murasu Anjal telah dilaksanakan pada 7 Januari dan 11 Januari 2013. Pembangun Murasu Anjal sedang melaksanakan perubahan teknikal kepada perisian dan dalam peringkat pengujian. LP akan menyediakan rancangan kontegensi untuk paparan Bahasa Tamil di dalam SPPBS.
12.	<b>Pengemaskini kod sekolah swasta</b> untuk didaftar ke dalam SPPBS.	Satu mesyuarat antara Bahagian KPM yang berkaitan untuk menyelaraskan format kod sekolah melibatkan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
13.	<b>Memperkemas fungsi pemantauan</b> pengisian data prestasi murid ke dalam SPPBS oleh PPD.	BPM dalam proses dan menguji menu pemantauan peringkat PPD dengan menambahkan: i. Menu Statistik dan cetakan – Pencapaian keseluruhan murid mengikut Kelas dan Subjek ii. Menu Statistik dan Cetakan – Pencapaian keseluruhan murid mengikut Kelas bagi semua Subjek.
14.	<b>FAQ SPPBS yang mudah diakses oleh pengguna.</b>	LP dalam proses menyediakan maklumat FAQ SPPBS pada paparan antara muka SPPBS yang boleh diakses secara <i>online</i> dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh Pentadbir Sistem.
15.	Pernyataan <b>Pelaporan Sumatif yang mengelirukan</b> pada paparan SPPBS.	Pernyataan Pelaporan Sumatif diubah kepada <b>Pelaporan Kumulatif Pentaksiran Berasaskan Sekolah.</b>
16.	<b>Data murid pindah</b> dari sekolah kerajaan ke sekolah swasta (yang tidak menggunakan data APDM) dan sebaliknya.	Buat masa ini data disimpan dalam SPPBS. Walau bagaimanapun, penambahbaikan sedang dilaksanakan dan dalam tindakan pembangunan sistem.
17.	Fungsi Daftar Guru Kelas pada Menu SU sekolah rendah untuk <b>memudahkan urusan cetakan pelaporan</b> oleh Guru Kelas.	BPM telah menyediakan Fungsi Daftar Guru Kelas pada Menu SU sekolah rendah dan sedang dalam peringkat pengujian.